



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED MEMPERKUKUH AGENDA BANDAR MAMPAN DAN PINTAR KE ARAH PERBANDARAN BAHARU

PUTRAJAYA, 28 Oktober 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan di Everly Hotel, Putrajaya pagi ini.

HPBS 2024 bertemakan “**Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi**” bagi mencerminkan komitmen kerajaan dalam mencapai agenda Pembangunan Mampan dan memenuhi matlamat pembangunan mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) menjelang tahun 2030 yang telah dilancarkan sejak 2015 bersama 192 anggota lain.

Sambutan HPBS 2024 merupakan anjuran bersama di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

YB KM telah menyampaikan anugerah **Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2024** kepada **21 penerima Anugerah Bandar Mampan 2024**, **20 penerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2024** dan **10 penerima Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024**.

MUPA merupakan platform pengiktirafan dan penghargaan kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin tempatan dan komuniti setempat dalam membangunkan persekitaran sama ada di peringkat kejurangan mahupun perbandaran yang lebih berdaya huni dan inklusif di masa hadapan. (Sila rujuk senarai penerima dan ringkasan anugerah di **Lampiran**)

Turut dilancarkan ialah **National Smart City Platform (NSCP) atau Platform Bandar Pintar Negara** di bawah pusat data raya dan analitik perancangan iaitu *Malaysia Urban Observatory* (MUO). Platform ini menggabungkan data-data bandar pintar dengan maklumat analitik data

raya (*big data analytic*) bagi membolehkan keputusan untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran dibuat berdasarkan bukti (*evidences based decision making*).

Bersempena dengan sambutan HPBS 2024, turut diadakan Persidangan Perancangan Kebangsaan 2024 atau **National Planning Congress (NPC) 2024** yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri pada 29 Oktober 2024.

Bertemakan "*Urbanism Next 3R+: Reimagine, Reinvent, Revitalise, Reconnect*", NPC 2024 turut disertai oleh ahli-ahli *Megacity Think Tank Alliance (MeTTA)* serta menghimpunkan pelbagai pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mendokong tonggak dan gagasan Malaysia MADANI dalam merealisasikan pembangunan mampan demi kesejahteraan komuniti ke arah SDG 2030 dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) di peringkat global.

Perancang bandar dan pengurus bandar akan terus komited berusaha sedaya upaya merancang dan membina bandar mampan dan pintar serta memajukan negara ke arah kesejahteraan komuniti selaras dengan gagasan dan tonggak Malaysia MADANI.

Majlis sambutan HPBS 2024 ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia, KPKT; YBhg. Datin TPr Hajah Noraida binti Saludin, Presiden MIP; pegawai-pegawai kementerian/ jabatan/ agensi yang berkaitan, wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, wakil-wakil komuniti tempatan/ persatuan penduduk, institusi pengajian tinggi awam, pemaju hartanah, sektor swasta dan juga persatuan-persatuan yang berkaitan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#PLANMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

UKK
K P K T

**SENARAI PENERIMA
ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2024**

BIL.	PENERIMA
ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2024	
1	Perbadanan Putrajaya
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
3	Majlis Perbandaran Hulu Selangor
4	Majlis Daerah Tangkak
5	Majlis Daerah Segamat
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
7	Majlis Perbandaran Kajang
8	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
9	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
10	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2024 NEGERI SABAH	
1	Lembaga Bandaran Kudat
ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2024 NEGERI SARAWAK	
2	Majlis Perbandaran Padawan
ANUGERAH SDG TAHUN 2024	
1	Dewan Bandaraya Kuching Utara
2	Majlis Perbandaran Muar
3	Majlis Daerah Beaufort
PENGHARGAAN POMN TAHUN 2024	
1	PLANMalaysia Johor
2	PLANMalaysia Melaka
3	PLANMalaysia Selangor
4	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah
5	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) Sarawak
6	Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)

**SENARAI PENERIMA
PENGIKTIRAFAN PENARAFAN BANDAR PINTAR 2024**

BIL.	PENERIMA
PENGIKTIRAFAN PENARAFAN BANDAR PINTAR 2024 “SMART CITY EARLY ADOPTER”	
1	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
2	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
3	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
4	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
5	Majlis Bandaraya Subang Jaya
6	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
7	Majlis Perbandaran Kangar
8	Majlis Perbandaran Kuala Selangor
9	Majlis Perbandaran Kulai
10	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
11	Majlis Perbandaran Manjung
12	Majlis Perbandaran Padawan
13	Majlis Perbandaran Pekan
14	Majlis Perbandaran Port Dickson
15	Majlis Perbandaran Segamat
16	Majlis Perbandaran Selayang
17	Majlis Daerah Kampar
18	Majlis Daerah Tangkak
PENGIKTIRAFAN PENARAFAN BANDAR PINTAR 2024 “DEVELOPING SMART CITY”	
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru
2	Perbadanan Putrajaya

Nota: Susunan PBT adalah mengikut turutan abjad.

**SENARAI PENERIMA
ANUGERAH AMALAN PERANCANGAN TERBAIK 2024
(BEST PLANNING PRACTICE AWARDS 2024)**

BIL.	ANUGERAH
1	Anugerah Persekitaran Mesra Kanak-Kanak Terbaik 2024 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
2	Anugerah Penghargaan Khas Persekitaran Mesra Kanak-Kanak 2024 Sime Darby Property (<i>City Of Elmina</i>) Sdn. Bhd.
3	Anugerah Persekitaran Mesra Autisme Terbaik 2024 Sunway Mall
4	Anugerah Penghargaan Khas Persekitaran Mesra Autisme 2024 Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)
5	Anugerah Penghargaan Khas Persekitaran Mesra Autisme 2024 Majlis Perbandaran Bentong
6	Anugerah Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat Terbaik 2024 Westlite Dormitory Management Sdn. Bhd.
7	Anugerah Penghargaan Khas Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat 2024 Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Ramatex Group Of Companies
8	Anugerah Perancangan Kawasan Rekreasi MADANI Terbaik 2024 Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)
9	Anugerah Penghargaan Khas Perancangan Kawasan Rekreasi MADANI 2024 Taman Tasik Maran, Pahang di bawah pentadbiran Majlis Daerah Maran
10	Anugerah Khas Amalan Perancangan Terbaik YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2024 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

RINGKASAN ANUGERAH

- **Anugerah Bandar Mampan Malaysia 2024** adalah berpandukan kepada gerbang MURNInets (Malaysia Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2002. MURNInets merupakan satu pengiktirafan kepada PBN dan PBT yang telah melaksanakan dan menepati kriteria kemampanan bandar. Sebanyak 153 PBT Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan; Sabah dan Sarawak telah menyertai program MURNInets pada tahun ini.
- **Pengiktirafan Penarafan Bandar Pintar 2024** Merupakan inisiatif KPKT melalui PLANMalaysia bertujuan untuk mengiktiraf peranan PBT sebagai “Smart City Early Adopter” yang telah melaksanakan inisiatif Bandar Pintar berpandukan kepada Standard MS ISO 37122. Usaha ini adalah selaras dengan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia. Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang mana Penarafan Bandar Pintar telah dipilih di bawah KSMM yang dipantau rapat setiap bulan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Di bawah gagasan Ekonomi MADANI, ia berkaitrapat dengan Teras Strategik 1 iaitu Kemampanan Ekonomi Negara dengan strategi Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah. Sehingga tahun 2025, KSMM telah menyasarkan 63 daripada 156 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mendapat pengiktirafan Smart City Early Adopter.
- **Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024** merupakan inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pihak berkaitan yang

telah melaksanakan pemajuan atau projek yang mematuhi garis panduan perancangan dan panduan inisiatif berkaitan yang telah diterima pakai. Anugerah ini juga turut memberi galakkan dan contoh amalan perancangan terbaik kepada banyak lagi pihak berkenaan untuk turut terlibat sama ada dalam memaju dan membangun persekitaran berpandukan garis panduan perancangan atau panduan inisiatif yang telah diterima pakai.

KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) juga mengambil cakna dan memulakan langkah progresif dengan melaksanakan projek fizikal perintis mesra autisme yang pertama di Malaysia dengan penyaluran bajet sebanyak RM1.43 juta bagi dua (2) projek iaitu Projek Persekitaran Mesra Autisme di Kuching Park, Kuching Sarawak di bawah Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Projek Persekitaran Mesra Autisme di Taman Tasik, Cyberjaya, Selangor di bawah Majlis Perbandaran Sepang (MPSPg). KPKT akan menghebah luas projek perintis bagi amalan perancangan terbaik ini di masa hadapan untuk memastikan tiada golongan yang tertinggal.